Orang Islam yang Terkemuka

Ferhat Abbas – Algeria
Haji Abu Bakar – Nigeria

Ferhat Abbas

Ferhat Abbas ialah Perdana Menteri kerajaan sementara Algeria yang telah didirikan di Kaherah pada 19 September 1958.

Berumur 62 tahun. Ia telah memulakan kehidupannya dengan menjadi seorang pembancuh ubat, kemudian telah menceburkan diri dalam lapangan siasah sebagai seorang ahli siasah yang sederhana. Setelah berputus asa daripada niat baik Perancis, ia pun berjuang bersama-sama dengan anak negeri yang berfaham kiri, yang percaya bahawa perjuangan . . . . perjuangan yang lanjut dan pahit, itulah sahaja jalan yang tunggal untuk memerdekakan Algeria.

Dasarnya dalam perjuangan: "Bahawa hidup dalam belenggu, adalah merupakan mati dalam keadaan jaga."

Sehingga masa yang tidak berapa lama dahulu, Ferhat Abbas tidak pandai bertutur dengan bahasa, kerana orang-orang Perancis telah menindas pelajaran bahasa Arab di Algeria dengan cara-cara yang kasar, tetapi mereka tidak dapat membunuh kearabannya.

Ferhat Abbas, ketua kerajaan sementara Algeria

Semenjak menjadi ketua kerajaan sementara Algeria, Ferhat Abbas telah mulai mempelajari bahasa Arab, dan ia berharap, ucapannya yang pertama pada hari kemerdekaan Algeria, dengan bahasa Arab yang fasih setelah ia bersama-sama penganjur-penganjur Algeria yakin

bahawa bahasa Arab ialah ikatan yang mengikat rakyat Algeria dengan ikatan kebangsaan Arab Raya yang berkecuali dan merdeka, dan bahawa itu ialah jalan yang tunggal yang membawa kepada kekuatan, kemuliaan dan kemerdekaan, setelah ia (Ferhat) melihat angkatan kebangsaan Arab Raya itu maju ke hadapan sambil menyeru kepada keamanan dan kemerdekaan: Keamanan di antara bangsa-bangsa dan kemerdekaan untuk semua, sehingga alam manusia hidup tenang tenteram, tiada diugut oleh malapetaka peperangan yang membawa kehancuran dan kerosakan.

Haji Abu Bakar

Haji Abu Bakar ialah Perdana Menteri Kesatuan Nigeria, negara yang banyak sekali penduduknya di seluruh benua Afrika (33 juta).

Penduduk Nigeria terdiri daripada 250 kabilah atau suku yang bertutur dengan lebih daripada 400 bahasa. Nigeria ialah negara yang kaya sekali di Afrika dengan hasil tanaman-tanaman, binatang ternak, dan benda-benda galian.

Haji Abu Bakar memulakan kehidupan dengan menjadi guru sekolah lalu berkenalan dengan penganjur Islam Nigeria Ahmadu Bello. Ia pun berhenti dari jawatan guru lalu menjadi calon dalam pilihan raya bandaran. Ia telah berjaya, dan kemudiannya menjadi anggota dewan daerah utara, kemudian memegang jawatan menteri kerajaan.

Haji Abu Bakar telah berjaya mengajak penganjurnya Ahmadu Bello mendirikan Parti Kongres Utara Nigeria, lalu keduanya memasuki pilihan raya dengan

Haji Abu Bakar, Perdana Menteri Nigeria.

parti mereka yang baharu itu. Mereka telah berjaya dan kemudiannya Haji Abu Bakar menjadi Naib Yang Dipertua parti itu.

Apabila kemerdekaan Nigeria diisytiharkan, Ahmadu Bello berpada dengan jawatannya menjadi Yang Dipertua partinya, lalu menyerahkan jawatan perdana menteri kepada sahabatnya dan rakan seperjuangannya, al-Hāj Abu Bakar.